



UPM Juara Festival Zapin MAKUM 2008



Pasukan Zapin UPM bergambar dengan Datuk Dr. Zulkifli A. Hassan dan Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

SERDANG, 4 Dis – Pasukan Zapin Universiti Putra Malaysia (UPM) menjuarai Festival Zapin anjuran Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) dengan mempersembahkan tarian Zapin Seri Bunian mengalahkan 17 penyertaan universiti lain.

UPM selaku johan membawa pulang wang tunai RM2 ribu, sijil dan piala iringan disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Dr. Zulkifli A. Hassan.

Naib Johan dimenangi oleh Universiti Malaya mempersembahkan Zapin Sebat Sarawak dan tempat ketiga disandang oleh Universiti Kebangsaan Malaysia yang membawa tarian Zapin Sarawak.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Dr. Azali Mohamed berkata festival itu merupakan anjuran bersama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia yang diadakan bermula 1 hingga 3 Disember 2008 di Dewan Banquet, UPM.

"Sebanyak 18 universiti bernaung di bawah MAKUM telah menghantar penyertaan dalam pertandingan ini.

"Festival zapin yang bercorak pertandingan itu dapat menyumbangkan kerjasama dan perkongsian ilmu yang menyeluruh bagi semua golongan terutamanya kepada pelajar," katanya.

Beliau berkata festival zapin bertujuan mencungkil bakat dan kreativiti pelajar dalam membudayakan kesenian Zapin Melayu sebagai khazanah warisan budaya.

Pertandingan itu berjaya menyuntik rasa kecintaan pelajar terhadap seni budaya dengan mengenali dan mendalamai tarian zapin.

Masyarakat Melayu menganggap Zapin sebagai kegiatan riadah pada masa lapang di kampung dan dimainkan secara serius pada majlis keramian, perkahwinan serta sambutan hari kemuliaan.

Disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.

Hak Cipta Terpelihara 2008
Universiti Putra Malaysia